

PM ajak jihad perangi dadah

Rakyat, N G O diminta kerjasama jayakan kempen

Oleh Mohd Azis Ngah

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak seluruh rakyat negara ini berjihad memerangi gejala penyalahgunaan dadah yang sudah sekian lama mengancam negara ini.

Amanat beliau disampaikan menerusi tayangan rakaman video pada program Maxis Hotlink Germany '06 Grand Finale Carnival sempena perlawanan akhir Piala Dunia di Jalan Bukit Bintang malam tadi.

"Untuk menghapuskan dadah, kita mesti ada pendirian iaitu membasmi dadah adalah satu jihad yang mesti dijayakan.

"Kita perlu kuatkan undang-undang supaya dapat menghapuskan gejala buruk ini dengan bertindak ke atas pengedar, penyeludup, penagih serta membantu mangsa dadah," katanya.

Sehubungan itu, katanya, rakyat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mesti bekerjasama dengan kerajaan untuk menghapuskan gejala penyalahgunaan dadah.

Katanya, usaha menghapuskan penyalahgunaan dadah menjadi cabaran yang hebat dan pengalaman ne-

gara membuktikan betapa susah dan sukarnya cabaran itu.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar yang melancarkan program itu berkata, kerajaan tidak pernah menghalang masyarakat untuk berhibur selagi ia tidak menyalahi undang-undang, tetapi mereka mesti memberikan kerjasama membasmi dadah.

"Kita tahu, seluruh negara, seluruh dunia menantikan detik perlawanan akhir Piala Dunia. Kita tidak larang anda mahu berhibur dan berkumpul sampai pagi, tetapi jangan cemari keseronokan ini dengan najis dadah," katanya sambil

"Untuk hapuskan dadah, kita mesti ada pendirian iaitu membasmi dadah adalah satu jihad yang mesti dijayakan"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

melaungkan Belia Benci Dadah dan Katakan Tidak Kepada Dadah sebanyak tiga kali, sambil diikuti pengunjing.

Di **KOTA KINABALU**, Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pamadam) mencadangkan penubuhan Mahkamah Khas Dadah sebagai langkah mengatasi masalah kes berkaitan dadah yang banyak tertangguh,

Mahkamah yang dikendalikan mengikut peraturan dan undang-undang khusus yang lebih mudah serta berkesan itu dianggap mampu mempercepatkan proses pendakwaan serta hukuman ke atas mereka yang terlibat dan bersalah dalam kes dadah.

Cadangan itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri dalam tempoh terdekat.

Yang Dipertua Pamadam, Datuk Zainal Abidin Zin, berkata penubuhan mahkamah itu diyakini berupaya mengurangkan kes tertangguh seperti yang berlaku sekarang hingga ada pihak tertuduh sudah meninggal dunia atau melarikan diri.

Keadaan itu menimbulkan prangsangka di kalangan segelintir rakyat yang antara lain mendakwa kerajaan cuai serta tidak bersungguh-sungguh memerangi jenayah dadah.